

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JKE 311 – Mikroekonomi 2

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di atas kertas soalan ini.

SERAHKAN KESELURUHAN KERTAS SOALAN INI KEPADA KETUA PENGAWAS.

JANGAN DICERAIKAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA KERTAS SOALAN INI.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

731

23

JAWAB SEMUA SOALAN

1. Oligopoli merupakan suatu struktur pasaran yang mempunyai banyak model.

(a) Bincangkan bagaimana ketegaran dan kestabilan harga dan kuantiti di dalam pasaran ini terus wujud dengan mengambil contoh Model Sweezy. (Lakaran dan label diberi markah).

(8 markah)

(c) (i) Takrifkan kartel.

(3 markah)

(ii) Nyatakan dua (2) prasyarat yang mesti wujud untuk menjayakan kartel.

(3 markah)

(iii) Nyatakan DUA (2) faktor yang menjejaskan kedudukan OPEC sebagai sebuah kartel yang berjaya.

(3 markah)

2. Andaikan pengeluar berhadapan dengan DUA faktor pengeluaran L & K (L ialah buruh dan K ialah modal).

(a) (i) Takrifkan kesan penggantian.

(3 markah)

(ii) Takrifkan kesan output.

(3 markah)

(b) Dengan menggunakan gambarajah dan diagram yang sesuai ilustrasikan kesan penggantian dan kesan output sekiranya pengeluar berhadapan dengan kejatuhan harga input buruh (L). Andaikan buruh adalah input normal.

(8 markah)

...8/-

739

1977

- (c) Adakah jawapan anda berbeza sekiranya input buruh adalah input bawahan. Lakarkan jawapan anda.

(8 markah)

d) Jelaskan jawapan anda bagi soalan 2b dan 2c.

(3 markah)

3. Diberi fungsi pengeluaran

$$Q = L^2 - 6L$$

(a) Sekiranya barangan X dijual di dalam pasaran persaingan sempurna pada harga RM2 dan pekerja dibayar RM4 sehari, carilah jumlah L yang memberi keuntungan maksimum.

(4 markah)

...11/-

- (b) Sekiranya barangan X dijual di dalam pasaran persaingan sempurna pada harga RM4 dan pekerja dibayar pada RM4 sehari, carilah L yang memberi keuntungan maksimum.

(4 markah)

- (c) Berdasarkan jawapan a dan b buat rumusan anda.

(3 markah)

- (d) Sekiranya barangan X dijual di dalam PPS pada harga RM2, dan MFC adalah $\frac{10}{L}$, carilah L yang memaksimumkan untung.

(5 markah)

- (e) Sekiranya barangan Y dijual di dalam PPS pada harga RM2 dan MFC diberi sebagai $\frac{5}{L}$, carilah nilai L yang memaksimumkan untung.

(5 markah)

- (f) Berdasarkan jawapan d dan e apakah rumusan anda?

(4 markah)

4. Kewujudan kegagalan pasaran menyebabkan ekonomi tidak berada di dalam keseimbangan.

- (a) Takrifkan kegagalan pasaran

(3 markah)

- (c) Menurut analisis keseimbangan am di kalangan pengeluar, keseimbangan boleh ditunjukkan dengan kaedah diagram Edgeworth pada titik $(MRTS_{LK})_X = (MRTS_{LK})_Y$.

Tunjukkan dan terangkan bagaimana keseimbangan boleh dicapai semula sekiranya ketidakseimbangan antara pengeluar berlaku pada suatu titik M dan pada suatu isokos $\frac{w}{r}$. Andaikan $(MRTS_{LK})_X > (MRTS_{LK})_Y$. Sertakan lakaran berlabel yang sesuai.

(7 markah)

747
02

(d) Nyatakan EMPAT (4) keadaan yang membolehkan wujudnya kegagalan pasaran.

(8 markah)

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

